

**Malaysia Sasar Peranan Sebagai Pembekal Modal Insan Kewangan Islam
Bernama
18 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Malaysia menyasarkan untuk menjadi pembekal modal insan dalam perniagaan dan kewangan Islam, kata Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Untuk mencapai matlamat itu, beliau berkata Pasukan Petugas Kurikulum dan Latihan Pengajian Tinggi bagi Pendidikan Kewangan Islam diketuai Universiti Islam Antarabangsa Islam Malaysia telah ditubuhkan.

Inisiatif di bawah Kelompok Pendidikan Kewangan Islam itu akan secara spesifik menangani jurang dalam kurikulum Kewangan Islam dan pembangunan bakat bagi memenuhi permintaan tinggi dalam kepesatan industri kewangan Islam.

"Saya optimis dengan penubuhan pasukan petugas ini, kekurangan ketara modal insan terlatih yang diperlukan di dalam negara serta di peringkat global boleh ditangani secara sistematik," katanya semasa melancarkan inisiatif itu di sini Selasa.

Mohamed Khaled berkata walaupun teruja dengan pembangunan kurikulum Kewangan Islam itu, adalah penting untuk menggunakan kaedah yang dibenarkan oleh syariah.

"Saya menggesa pasukan petugas kurikulum ini menangani isu itu sewajarnya. Kita inginkan kurikulum berkualiti dan ini perlu dilakukan tanpa sebarang kompromi," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695490>